



Beberapa Permasalahan Sembahyang Orang Yang Menanggung Najis

(Bahagian Akhir)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Hukum Sembahyang Dengan Menanggung Najis

Tidak sah sembahyang seseorang itu jika terdapat najis yang tidak dimaafkan pada tubuh badan, pakaian dan tempatnya sembahyang.

Berikut ialah beberapa permasalahan sembahyang dalam keadaan menanggung najis:

1. Orang yang tidak tahu ada padanya najis

Jika seseorang itu ada padanya najis tetapi dia tidak mengetahuinya sehingga apabila dia selesai mengerjakan sembahyang baharulah dia menyedari dan yakin bahawa ada padanya najis ketika dia mengerjakan sembahyang itu, maka tidak sah sembahyangnya. Wajib ke atasnya menyucikan dirinya daripada najis itu dan mengulang sembahyang tersebut.

2. Orang yang tahu ada padanya najis kemudian terlupa

Seseorang yang mengetahui ada padanya najis sebelum dia mengerjakan sembahyang, kemudian dia terlupa bahawa pada dirinya ada najis. Lalu dia pun mengerjakan sembahyang dengan keadaan bernajis itu. Setelah beberapa ketika dia pun teringat bahawa dia mengerjakan sembahyang dengan

keadaannya menanggung najis. Maka dalam hal ini, tidak sah sembahyangnya itu dan wajib ke atasnya mengulang sembahyang tersebut apabila masih ada waktu sembahyang atau mengqadhanya apabila sudah di luar waktu sembahyang.

3. Orang yang mendapati ada padanya najis setelah selesai sembahyang

Jika seseorang itu mendapati atau ternampak najis pada dirinya setelah dia selesai mengerjakan sembahyang dan dia tidak yakin bila adanya najis tersebut, maka tidak wajib ke atasnya mengulang atau mengqadha sembahyangnya itu, kerana menurut kaedah asal bagi setiap kejadian itu terjadi pada waktu yang terdekat. Ini bererti dengan mengambil kira kaedah tersebut najis itu ada padanya atau baru mengenainya setelah dia mengerjakan sembahyang, bukan ketika dalam sembahyang. Walau bagaimanapun menurut Imam asy-Syafi'e dan para ulama mazhab asy-Syafi'e *Rahimahumullahu Ta'ala*, sunat ke atasnya mengulang sembahyang tersebut sebagai langkah berhati-hati.

Berlainan halnya jika seseorang itu yakin bahawa dia mengerjakan sembahyang dengan ada padanya najis. Maka wajib ke atasnya mengulang sembahyang tersebut.

Demikian juga halnya, wajib diulang sembahyang jika seseorang itu ada padanya najis tetapi dia tidak mengetahui yang demikian itu membatalkan sembahyang.

4. Orang yang baru mendapati najis ketika dalam sembahyang

Jika seseorang itu mengerjakan sembahyang dalam keadaan bernajis, tetapi dia baru mendapati atau ternampak najis pada dirinya ketika dalam sembahyang, maka batal sembahyangnya itu dan wajib ke atasnya memulakan semula sembahyangnya.

5. Orang yang tidak tahu ada padanya najis ketika dalam sembahyang kemudian dia meninggal dunia

Jika seseorang itu meninggal dunia sebelum mengetahui yang dia telah mengerjakan sembahyang dalam keadaan bernajis ataupun dia sudah mengetahuinya tetapi belum sempat untuk mengqadhanya lalu meninggal dunia, maka dalam hal ini semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengampunkannya disebabkan keuzurannya itu.

6. Terkena najis ketika dalam sembahyang

Jika seseorang itu mengerjakan sembahyang, kemudian terkena najis ketika dalam sembahyang dan dia tidak dapat menghilangkan najis itu dengan cara membuangnya dengan serta merta melainkan dengan cara menyucinya, seperti pakaiannya terkena najis yang basah dan dia tidak dapat menanggalkan dan mencampakkan pakaian itu serta merta, maka batal sembahyangnya.

Adapun jika dia dapat membuang atau menghilangkan najis itu dengan serta merta, maka tidak batal sembahyangnya. Seperti najis yang kering jatuh pada pakaiannya, lalu dikibasnya sehingga jatuh, ataupun najis yang basah jatuh pada pakaiannya, lalu dibersihkannya dengan air yang ada berhampiran dengannya (sekira-kira perbuatan yang tidak membatalkan sembahyang), ataupun ditanggalkannya pakaian yang terkena najis yang basah itu kemudian dicampakkannya tanpa menyentuh najis tersebut dengan tangan atau lengan baju ataupun dengan potongan kayu. Jika disentuhnya najis itu dengan tangan atau lengan bajunya atau dengan potongan kayu, maka batal sembahyangnya.

Dalam perkara ini perlu juga diingat, jika seseorang itu terkena najis yang basah pada pakaiannya ketika dalam sembahyang sedang dia mengerjakannya di dalam masjid, dan waktu sembahyang juga masih panjang, maka haram ke atasnya membuang atau mencampakkan pakaiannya itu di

dalam masjid kerana pakaiannya yang dilumuri najis yang basah itu akan menjadikan kawasan dalam masjid dicemari oleh najis. Dalam hal ini, hendaklah dia memberhentikan sembahyangnya terbatal disebabkan najis yang ada pada pakaiannya, lalu membersihkan pakaiannya itu dan mengulang semula sembahyangnya itu.

Berlainan halnya jika najis itu kering, maka boleh dibuangnya najis itu di dalam masjid dan segera dibersihkannya najis tersebut selepas dia mengerjakan sembahyang.

7. Ternampak najis pada pakaian orang yang hendak sembahyang

Jika seseorang yang mukallaf ternampak najis pada pakaian orang yang hendak mengerjakan sembahyang, maka wajib dimaklumkan kepadanya. Ini kerana bagi menyuruh kepada perkara yang berkebajikan iaitu menghilangkan perkara yang merosakkan walaupun ia bukan merupakan sesuatu yang maksiat.

Demikian juga halnya, jika ternampak najis pada pakaian orang yang sedang mengerjakan sembahyang, maka wajib dimaklumkan kepadanya. Itu pun jika diketahui bahawa najis yang ada padanya itu membatalkan sembahyang pada pandangan mazhab orang yang bersembahyang itu.

Sementara orang yang mengerjakan sembahyang itu, wajib menerima perkhabaran atau teguran daripada orang yang adil mengenai adanya najis pada dirinya itu. Kemudian hendaklah dia menyucikan dirinya daripada najis tersebut dan mengulang sembahyangnya.

8. Memegang Atau Berpaut Dengan Sesuatu Yang Bersambung Dengan Najis

Seseorang yang memegang atau mengikat sesuatu pada dirinya seperti tali yang di bahagian tali itu mengandungi najis

adalah membatalkan sembahyang. Sembahyang tetap tidak sah sama ada tali itu bergerak apabila dia bergerak ataupun tidak bergerak.

Sebagai contoh, imam menyangkutkan pada dirinya pembesar suara yang mempunyai wayar yang panjang dan di bahagian wayar itu ada najis, maka tidak sah sembahyangnya kerana dia dikira menanggung najis.

Demikian juga, jika seseorang itu memegang atau mengikat tali pada dirinya sedang tali itu berhubung dengan sesuatu yang menanggung najis dan bergerak apabila dia bergerak seperti tali itu diikat pada sampan kecil atau pada keldai yang membawa najis, maka tidak sah sembahyangnya kerana dikira dia menanggung najis.

Adapun jika tali itu diikat pada sesuatu yang tidak bergerak apabila dia bergerak seperti diikat pada kapal besar yang membawa najis, maka tidaklah batal sembahyangnya.

Berbeza halnya, jika tali itu diletakkan di bawah telapak kakinya, maka tidaklah batal sembahyangnya walaupun tali itu diikat pada sesuatu yang bergerak apabila dia bergerak kerana tidak dikira dia menanggung najis. Ini sama keadaannya apabila dia bersembahyang di atas hamparan yang besar sedang di hujung hamparan itu ada najis.

Demikian beberapa penjelasan hukum mengenai permasalahan sembahyang dalam keadaan seseorang itu terkena najis, sama ada pada tubuh badan, pakaian dan tempat sembahyangnya. Perlulah diingat, kebersihan tubuh badan, pakaian dan tempat sembahyang daripada najis yang tidak dimaafkan adalah salah satu syarat sah sembahyang. Jika syarat ini diabaikan atau tidak diambil berat, maka sembahyang tidak sah dan masih tertanggung ke atas orang yang mengabaikan itu untuk mengulang atau mengqadha sembahyangnya.